



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Kosmo
Date	31/05/2012

Kerajaan perlu bijak layani tuntutan pelbagai pihak – Dr. Mahathir

Kosmo 31/5/2012



DR. MAHATHIR semasa menyampaikan ucapan pada mesyuarat Meja Bulat Asia Pasifik di Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR – Kerajaan perlu bijak melayan tuntutan pelbagai pihak tanpa mengabaikan pegangan terhadap prinsip tertentu, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

“Duhulu bila kita (kerajaan Barisan Nasional) kuat, tak ada banyak sangat cabaran. Tapi bila lemah orang anggap kita akan layan mereka. Maka mereka buat tuntutan. Jadi bila tuntutan ini dibuat kita perlu kecekapan yang lebih daripada zaman duhulu untuk tangani masalah ini.

“Saya tak kata kerajaan sekarang tak cekap. Cuma perlu ada kecekapan yang lebih,” katanya kepada pemberita selepas berucap pada mesyuarat Meja Bulat, Asia Pasifik ke-26 di sini semalam.

Terdahulu dalam ucapannya bertajuk *Governance in Asia: What's Best and What Works*, Dr. Mahathir berkata, kerajaan sekarang perlu mempunyai kemahiran yang lebih tinggi dalam menguruskan negara.

Beliau berkata, demokrasi bukan satu sistem yang mudah untuk mentadbir urus dan melaksanakan dasar-dasar kerana banyak perkara turut mengiringinya termasuk hak asasi manusia dan pelbagai bentuk kebebasan yang boleh membawa kepada kemusnahan dan ketidakstabilan.

“Sedikit demokrasi suatu yang baik. Hari ini golongan minoriti amat berkuasa hinggalah golongan majoriti terpaksa mengalah. Mereka tidak suka melakukan perkara tertentu tetapi mereka takutkan golongan minoriti yang boleh menjadi sangat ganas.

“Demokrasi pada hari ini bukannya demokratik. Demokrasi pada hari ini dilihat seolah-olah dikuasai golongan minoriti dan bukannya oleh golongan majoriti. Kita tidak boleh terima ini,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, satu-satunya yang baik mengenai demokrasi ialah rakyat boleh memilih kerajaan menerusi peti undi. – *Bernama*